

Headline **593 ikuti kursus asas haji bersiri**
Date **04 Mar 2011**
MediaTitle **Harian Metro (Johor)**
Section **News**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **289,315 / 1,981,000**

Language **Malay**
Page No **38**
Article Size **140 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **3,010**
PRValue **9,030**



593 ikuti kursus asas haji bersiri

KOTA TINGGI: Seramai 593 daripada 700 bakal haji sekitar daerah ini menyertai Kursus Asas Haji Bersiri 1432 Hijrah anjuran bersama Pejabat Agama Islam Daerah dan Tabung Haji (TH) Cawangan Kota Tinggi di Masjid Jamek Bandar Kota Tinggi di sini, bermula kelmarin.

Kursus selama 17 minggu itu dijangka berakhir Julai

depan membabitkan bakal haji dari lima masjid jamek di daerah berkenaan iaitu Masjid Jamek Bandar Kota Tinggi, Bandar Penawar, Fel-da Semencu, Gugusan Fel-da Waha dan Masjid Jamek Bandar Tenggara.

Perasmian kursus itu disempurnakan Ahli Parlimen Kota Tinggi, Tan Sri Syed Hamid Albar yang turut di-hadiri Pegawai Tadbir Aga-

ma Daerah, Mohd Taufik Shamsuddin dan Pengurus TH Kota Tinggi, Fauzi Anwar.

Pengerusi Pengelola Kursus Asas Haji Zon Bandar, Abd Rahman Mokhtar berkata, selain memberi penerangan dan panduan kepada bakal haji, ia turut menitikberatkan latihan amali seperti ta-waf, saie serta melontar jam-rah.